

KEPIMPINAN POLITIK DI MALAYSIA: MEMAHAMI PERANAN WAKIL RAKYAT, oleh Malike Brahim. 2015. Penerbit Universiti Malaysia Perlis: Kangar. Halaman 340. ISBN 978-967-0922-03-4

Malike Brahim merupakan seorang Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM). Beliau banyak terlibat dengan bidang kajian sains politik khususnya tentang politik, pentadbiran dan dasar awam di Malaysia. Buku ini dilahirkan hasil kajian tesis PhD beliau daripada Universiti Utara Malaysia (UUM).

Tidak banyak kajian atau penulisan secara langsung tentang peranan wakil rakyat atau perwakilan di Malaysia jika dibandingkan dengan penulisan di Barat. Kebanyakan penulisan masa kini lebih tertumpu kepada aspek pilihan raya, corak kepimpinan, tingkah laku pengundi, pengaruh dan peranan media, gender, manifesto, belia dan lain-lain. Buku ini amat membantu rakyat Malaysia dalam memahami peranan sebenar wakil rakyat yang telah mereka pilih melalui sistem demokrasi berparlimen di Malaysia. Hal ini kerana agar rakyat tidak keliru dan dapat memahami peranan aktor politik ini dengan lebih jelas.

Buku ini mempunyai sepuluh bab yang membincangkan tentang konsep kepimpinan politik di Malaysia secara umum, konsep demokrasi berparlimen, sistem pilihan raya dan seterusnya memfokuskan kepada peranan utama (primer) wakil rakyat iaitu tanggungjawab parlimentari dan konstituensi, peranan dalam parti politik dan kabinet serta peranan sekunder (tanggungjawab tambahan) seperti penglibatan wakil rakyat dalam organisasi bukan politik seperti GLC, NGO, badan berkanun, badan sukarela dan persatuan sukan. Buku ini digarap dengan baik sekali oleh penulis kerana beliau telah memasukkan elemen yang mudah difahami dari sudut teori dan praktisnya. Maka, pengulas amat tertarik untuk mengupas tentang buku ini agar diberi kefahaman dengan lebih jelas tentang kepimpinan politik di Malaysia yakni wakil rakyat dalam menyempurnakan peranan dan tanggungjawab mereka supaya dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Wakil rakyat di Malaysia disebut dengan gelaran Yang Berhormat (YB) yang sama maksudnya dengan perwakilan (*representative* atau *assemblyman*). Perkataan wakil rakyat itu menurut Hussain (1987) merujuk kepada seorang “tokoh pemimpin” dan “ahli politik”. Dalam semua jenis sistem politik, wujud hubungan secara langsung antara pemimpin dan rakyat. Hubungan ini bukan hanya berlaku ketika pilihan raya, akan tetapi banyak juga berlaku apabila pemimpin itu dipilih sebagai perwakilan atau wakil rakyat.

Sebenarnya, peranan wakil rakyat itu cukup kompleks sebagai pemimpin parti politik, ahli perundangan dalam Dewan Rakyat (Parlimen) atau Dewan Undangan Negeri (DUN) dan perwakilan bagi kawasan yang diwakilinya. Di samping itu, wakil rakyat juga turut melibatkan diri dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan aktiviti sukarela di mana dapat merapatkan hubungan mereka dengan rakyat. Dari segi teorinya, wakil rakyat dalam sistem demokrasi berperanan sebagai perwakilan (*representatives*) bagi rakyat dan kawasan yang diwakilinya. Sebagai perwakilan, wakil rakyat berperanan sebagai ahli perundangan (*legislators*) dalam majlis perundangan dengan fungsi mentafsir dan meluluskan undang-undang (*lawmaking*).

Pemimpin dan kepimpinan wujud dalam semua organisasi sama ada secara formal atau tidak formal. Begitu juga dalam sistem politik yang tidak dapat dipisahkan dari perbincangan tentang

pemimpin dan kepemimpinan Dalam hal ini, perkataan pemimpin dan kepemimpinan itu sering muncul beriringan dalam setiap perbincangan seakan-akan melengkapi antara satu sama lain. Kedua-dua konsep ini digunakan secara meluas dalam banyak disiplin ilmu seperti sosiologi, pengurusan, perniagaan, sains politik, agama, komunikasi, ketenteraan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, tiap-tiap disiplin ilmu ini memberi penekanan yang berbeza tentang konsep pemimpin dan kepemimpinan mengikut perspektif masing-masing.

Dalam disiplin sains politik misalnya, perbincangan tentang pemimpin dan kepemimpinan banyak menekankan tentang kuasa dan pemerintahan. Menerusi bab tiga buku ini yang ditekankan oleh penulis, dalam sistem demokrasi misalnya, perbincangan tentang aspek pemimpin dan kepemimpinan banyak berkisar kepada soal kuasa dan menjurus kepada kedaulatan popular. Kedaulatan popular ini merujuk kepada kuasa di tangan rakyat. Dalam sistem demokrasi, penyertaan popular (rakyat) secara langsung dalam pemerintahan melalui pilihan raya untuk memilih perwakilan. Oleh sebab itu, pilihan raya merupakan aktiviti politik penting untuk memilih pemimpin dan menentukan kerajaan yang memerintah dalam sistem demokrasi di mana rakyat yang menentukan pemerintahan dan kepemimpinan sesebuah negara.

Wakil rakyat mempunyai kedudukan dan peranan khusus bagi kumpulan yang diwakilinya. Menurut Hussain (1987) dalam banyak keadaan seperti di Malaysia, kedudukan dan jawatan wakil rakyat itu menjadi begitu istimewa sehingga dapat mengatasi banyak jawatan dan kedudukan lain. Disebabkan keistimewaan itulah ia menjadi impian banyak pihak bukan sekadar ahli-ahli politik tetapi juga dalam kalangan penjawat awam, ahli korporat, peguam, doktor dan profession lain yang bercita-cita menjadi wakil rakyat. Perkara ini menurut Hussain secara implisitnya wujud disebabkan oleh tiga faktor penting berikut iaitu:

- 1) Faktor pemilihan dan proses politik dalam menentukan seseorang wakil rakyat.
- 2) Faktor pengaruh dan konteks atau jaringan politik dan bukan politik yang memerlukan seseorang wakil rakyat terlibat di dalamnya.
- 3) Faktor peranan rasmi dan tidak rasmi yang menjadikan seseorang wakil rakyat sebagai pemimpin bagi kumpulan di peringkat bawahan yang diwakilinya dengan kumpulan pemimpin serta pembuat dasar dan penggubal dasar di peringkat atasan.

Tanpa mengira ideologi politik yang diikutinya, wakil rakyat yang telah dipilih melalui pilihan raya perlu berkhidmat dengan cekap dan berkesan kepada seluruh rakyat dalam kawasan pilihan raya yang diwakilinya. Melalui parti politik, wakil rakyat boleh menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Jika rakyat berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan, wakil rakyat dan parti politik yang diwakilinya secara berterusan mendapat sokongan daripada rakyat. Keadaan ini memberi peluang kepada wakil rakyat untuk terus dipilih dalam pilihan raya yang akan datang dan parti politiknya boleh mengekalkan kuasa untuk memerintah.

Antara persoalan yang muncul menerusi buku ini adalah wujudnya kekeliruan dan pemahaman yang berbeza khususnya dalam kalangan rakyat tentang peranan dan tanggungjawab wakil rakyat. Keadaan ini berlaku disebabkan peranan wakil rakyat seperti di Malaysia tidak pernah dijelaskan secara bertulis. Dalam erti kata lain, tiada panduan yang boleh digunakan untuk rujukan dalam usaha memahami peranan sebenar wakil rakyat. Dalam Perlembagaan Persekutuan juga tidak dijelaskan secara terperinci tentang peranan wakil rakyat dan kesannya, rakyat memahami peranan wakil rakyat mengikut persepsi masing-masing. Secara mudahnya,

rakyat lebih memahami peranan wakil rakyat di luar dewan perundangan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang mereka hadapi berbanding peranan wakil rakyat di dalam Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Sama ada secara langsung atau tidak langsung, wakil rakyat mempunyai peranan yang sangat besar dalam parti politik dan kepada komuniti yang diwakilinya. Namun, terdapat pandangan yang berbeza tentang peranan dan tanggungjawab wakil rakyat sama ada peranan secara rasmi atau tidak rasmi apatah lagi dalam sistem demokrasi berparlimen. Ini kerana peranan wakil rakyat bukan hanya di dalam Parlimen, tetapi juga menerusi badan eksekutif jika dilantik sebagai anggota kabinet.

Dalam konteks masyarakat hari ini, rakyat lebih memahami peranan wakil rakyat dalam aspek khidmat sosial (*social services*) atau kerja sosial (*social works*) berbanding peranan dalam Parlimen (*parliamentary roles*). Dengan kata lain, rakyat lebih memahami dan memerlukan khidmat wakil rakyat di luar dewan perundangan berbanding membawa suara dan masalah mereka untuk diselesaikan melalui Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Dalam bab tujuh buku ini menerangkan dengan lebih jelas lagi tentang peranan wakil rakyat di Malaysia. Seperti disebutkan sebelum ini, wakil rakyat mempunyai banyak peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan pada satu-satu masa. Ia memerlukan pengorbanan yang besar bukan sahaja dari segi masa tetapi juga wang ringgit dan tenaga demi kepentingan rakyat. Dalam sistem politik demokrasi di Malaysia, kewujudan institusi wakil rakyat menerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) merupakan elemen penting yang memberi peluang dan hak kepada rakyat untuk turut serta dalam proses politik. Ini merupakan peranan hakiki wakil rakyat sebagai perwakilan.

Dalam aspek *parliamentary roles* menerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN), wakil rakyat memikul tanggungjawab sebagai penggubal undang-undang, penyokong kerajaan dan sebagai pembangkang. Mereka juga bertindak sebagai jurucakap, pemantau dan pengawas dalam segala aktiviti kerajaan serta pemudahcara kepada rakyat untuk berurusan dengan kerajaan. Aspek ini merupakan tugas rasmi wakil rakyat sebagai perwakilan yang telah dipilih mengikut undang-undang.

Manakala *constituency roles* pula merupakan tanggungjawab secara langsung wakil rakyat kepada masyarakat dan kawasan yang diwakilinya. Walaupun ia dikira sebagai peranan utama namun ia bukanlah peranan hakiki seperti *parliamentary roles*. Peranan konstituensi ini merupakan satu akauntabiliti yang perlu dilaksanakan oleh pemimpin kepada rakyat yang diwakilinya. Misalnya, apabila rakyat menghadapi masalah dan isu, mereka biasanya merujuk kepada wakil rakyat untuk diselesaikan.

Jika *parliamentary roles* lebih kepada tanggungjawab rasmi, *constituency roles* pula lebih cenderung kepada tanggungjawab yang tidak rasmi walaupun adakalanya bersifat rasmi. Berdasarkan kedua-dua peranan tersebut jelas menunjukkan bahawa peranan wakil rakyat begitu kompleks. Antaranya menjaga kebajikan, menyelesaikan masalah dan memberi khidmat nasihat kepada rakyat. Dalam masa yang sama wakil rakyat juga bertanggungjawab dalam meningkatkan kestabilan politik dan ekonomi. Wakil rakyat pastinya tidak melakukan pelbagai tugas atau kerjanya secara bersendirian kerana dibantu oleh AJK parti, ahli JPKK, NGO dan komuniti serta kakitangan jabatan kerajaan yang berkaitan

Dari sudut *constituency roles*, peranan wakil rakyat banyak terarah kepada aktiviti berbentuk sukarela dan tidak rasmi. Ini termasuk tanggungjawabnya kepada komuniti dengan cara melakukan pelbagai aktiviti khidmat masyarakat atau kerja sosial. Melalui penyertaan dalam pelbagai program dan aktiviti berbentuk *constituency roles*, wakil rakyat dapat mendekati dirinya kepada komuniti dan menonjolkan nilai kepimpinan melalui teladan kepada rakyat. Peranan wakil rakyat dalam *constituency roles* kepada komuniti diperkukuhkan dengan penglibatannya dalam aspek *social roles/works*. Di pihak rakyat, aspek *social roles/works* yang banyak diberi perhatian berbanding dua lagi peranan lain sebelum ini. Melalui aktiviti dalam *social roles/works*, rakyat cenderung menjemput wakil rakyat untuk menyertai pelbagai aktiviti dan acara yang dianjurkan tanpa mengira masa dan keadaan. Rakyat sentiasa mengalu-alukan penglibatan wakil rakyat dan kesediaan wakil rakyat untuk menyertai program dan aktiviti yang dianjurkan oleh komuniti merupakan suatu penghargaan besar kepada mereka.

Selain daripada peranan-peranan di atas, wakil rakyat juga mempunyai peranan dalam parti politik (*party responsibilities*). Boleh dikatakan kebanyakan wakil rakyat seperti di Malaysia mewakili parti-parti politik tertentu dalam Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) kecuali wakil rakyat Bebas. Oleh sebab itu, wakil rakyat mempunyai peranan yang sangat penting dalam parti politik. Antaranya bertanggungjawab dalam menarik sokongan rakyat dan menambah keahlian parti di samping menanamkan semangat dalam kalangan ahli-ahli parti untuk terus setia dan kekal bersama parti.

Sebagai pemimpin, wakil rakyat perlu meningkatkan kualiti kepimpinannya. Sebagai aktor penggubal dasar misalnya, wakil rakyat perlu rasional, matang, tidak emosional, berpengetahuan luas dan mempunyai kepakaran dalam hal ehwal pembuatan dasar tersebut. Jika wakil rakyat mempunyai profesionalisme dan berintegriti dalam kepimpinannya, ini akan menjadi faktor penting dalam memperkukuh kedudukan dan kerjaya politik mereka pada masa hadapan terutamanya kedudukan dalam parti politik yang diwakili. Profesionalisme merupakan satu pendekatan penting yang perlu ada dalam kalangan wakil rakyat untuk diketengahkan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat, parti dan kerajaan. Wakil rakyat perlu mempunyai pelan tindakan dan perancangan strategik untuk membantu mereka mempertingkatkan prestasi perkhidmatan dan kepimpinan sama ada melibatkan peranan dalam aspek parlimentari, konstituensi, parti politik, kabinet dan khidmat sosial.

Sama ada di pihak kerajaan atau pembangkang, pemimpin politik merupakan aktor penting dalam negara terutama dalam aspek membuat keputusan. Wakil rakyat akan sentiasa berhadapan dengan pelbagai cabaran dan isu yang berlaku dalam masyarakat. Maka, sebagai pembuat keputusan, wakil rakyat selaku pemimpin yang mewakili suara dan kepentingan rakyat perlu membuat keputusan dan mengambil tindakan yang rasional dalam menangani isu dan cabaran yang berlaku. Tindakan sedemikian meletakkan fungsi wakil rakyat sebagai penyelesaian masalah (*problem solver*) khususnya dalam menangani isu-isu kemasyarakatan, pembangunan, ekonomi, agama dan politik.

Justeru, tugas-tugas wakil rakyat secara formal atau tidak formal boleh diringkaskan pelbagai (*multifunction*) iaitu sebagai perwakilan, ahli perundangan, ahli jawatankuasa peringkat dewan rakyat, mewakili parti politik, membentuk kerajaan, ahli kelab penyokong parti, whip, pentadbir dalam badan berkanun dan GLC serta sebagai ketua kerajaan dan ketua pembangkang.

Namun, perkara yang paling penting pada masa kini adalah aspek kecemerlangan dalam perkhidmatan yang diberikan oleh wakil rakyat. Justeru, wakil rakyat perlu mempunyai komitmen dan keazaman untuk berkhidmat dengan cemerlang kepada rakyat dan parti politik yang diwakilinya. Wakil rakyat boleh menggunakan parti politik sebagai wadah perjuangannya untuk menonjolkan kepimpinan yang cemerlang. Sebagai pemimpin, parti politik boleh menjadi asas bagi wakil rakyat untuk menjadi contoh kepada seluruh lapisan masyarakat terutama yang memegang pelbagai jawatan pentadbiran di agensi-agensi kerajaan mahupun syarikat berkepentingan kerajaan. Adalah menjadi tanggungjawab wakil rakyat untuk menunjukkan ciri-ciri kepimpinan dan tadbir urus yang baik melalui parti politik dan seterusnya menjadi *role model* kepada rakyat.

Kesimpulannya, masyarakat Malaysia amat mengharapkan kepimpinan politik negara kita berupaya membangunkan sistem politik dan pentadbiran dengan lebih berkesan jika pemimpin mempunyai karisma, kewibawaan dan legitimasinya. Dalam hal ini, kepimpinan wakil rakyat adalah asas penting dalam membina kemajuan dan pembangunan negara termasuklah mengekalkan dan memelihara sistem demokrasi itu sendiri.

Laras bahasa yang digunakan di dalam buku ini walaupun terdapat terma-terma sains politik akan tetapi masih boleh difahami dan amat sesuai dibaca oleh pembaca yang meminati genre politik namun pada masa yang sama mendapat kefahaman tentang peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh wakil rakyat yang diundi mereka melalui pilihan raya.

RUJUKAN

Hussain Mohamed. 1987. *Membangun Demokrasi: Pilihan Raya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Karya Bistari.

Ahmad Atory Hussain. 2010. *YB oh YB: Antara Peranan dan Tanggungjawab*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Nor Azlina Endut

Jabatan Pengajian Ketamadunan dan Pembangunan Insan,
Fakulti Sains Sosial,
Universiti Islam Selangor